

Gagal kemuka penyata GST, pemilik syarikat telekomunikasi didenda

IPOH 19 Okt. - “Apabila tidak membayar cukai barang dan perkhidmatan (GST) kepada kerajaan, maka kerajaan tidak mendapat hasil yang boleh digunakan untuk kepentingan awam dan lain-lain, selain boleh mengakibatkan ekonomi negara merosot dan tidak stabil.”

Demikian peringatan seorang hakim Mahkamah Sesyen di sini hari ini sebelum menjatuhkan hukuman denda RM40,000 atau penjara 48 bulan terhadap seorang pemilik sebuah syarikat telekomunikasi yang mengaku bersalah atas lapan pertuduhan gagal mengemukakan penyata GST pada tahun lalu.

Hakim Murtazadi Amran berkata, mahkamah telah mengambil kira beberapa aspek sebelum menjatuhkan hukuman

tersebut terhadap Wong Kean Yik, 36, dari Lawan Kuda Baru, Gopeng dekat sini termasuk akibat daripada tindakan tertuduh tidak mengemukakan penyata itu kepada pihak kastam.

Pada masa yang sama, kata Murtazadi, mahkamah juga tidak boleh menjatuhkan hukuman terlalu ringan kerana kesalahan dilakukan tertuduh adalah serius selain perlu satu hukuman yang mampu memberi pengajaran kepada pembayar cukai lain agar tidak melakukan kesalahan serupa.

Mengikut pertuduhan, Kean Yik didakwa gagal mengemukakan penyata GST bagi tempoh bercukai untuk bulan Mei sehingga Disember 2015 iaitu tarikh akhir untuk mengemukakan penyata tersebut ialah sebulan dari tarikh ditetapkan.



WONG KEAN YIK